



WATIKAH: Annuar (dua kanan) menyampaikan surat watikah pelantikan kepada Sophian Said sebagai Ahli Majlis Sukan Wilayah Persekutuan Labuan (AMSWPL) bagi Sesi 2020-2022.

Dr. Fary Akmal dilantik Pengerusi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan Labuan Sesi 2020-2022

LABUAN: Seramai 12 individu telah dilantik sebagai Ahli Majlis Sukan Wilayah Persekutuan Labuan (AMSWPL) bagi Sesi 2020-2022.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Dr. Fary Akmal Osman dilantik sebagai Pengerusi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan Labuan.

Turut mengisi slot berkenaan ialah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Rithuan Mohd Ismail, Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan Dr. Hasnul Faizal Hashim Amri, Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Labuan Mahamun Fauzi, Pengarah Jabatan Pendidikan Labuan Khaziyati Osman, Ketua Pegawai Eksekutif Labuan International School (LIS) Jaffree Ismail, Pengarah Jabatan Kewangan Perbadanan Labuan Norina @ Morin Ignatus Beatty dan Pengarah Jabatan Pelancongan dan Kesenian Perbadanan Labuan Mahathir Abdul

Hamid.

Turut tersenarai sebagai Ahli Majlis ialah lima Presiden Persatuan Sukan termasuk Presiden Persatuan Bolasepak Labuan (Lafa) Sophian Said, Presiden Ragbi Labuan Abdul Rashid Adlie, Presiden Olahraga Labuan Lee Kiat Khim, Presiden Wushu Labuan Chong Chung Yee dan Naib Presiden 1 Persatuan Lawn Bowl Labuan Hassan Jinin.

Menteri Wilayah Persekutuan Tan Sri Annuar Musa menyampaikan surat watikah pelantikan sempena Program Santai Petang Menteri Wilayah Persekutuan bersama Penggiat Sukan Labuan dan Atlet SUKMA 2020, baru-baru ini.

Pada majlis itu, Annuar turut menyampaikan surat pelantikan Jurulatih Sukan yang terlibat dalam Sukan Malaysia (SUKMA) 2020.

Beliau turut menyerahkan bantuan program pembangunan sukan kepada 17 persatuan sukan bagi mem-

bantu mereka menyediakan kelengkapan kepada atlet di samping meringankan beban persatuan.

Annuar berharap menerusi bantuan itu akan dapat memberi suntikan semangat kepada persatuan sukan untuk bergerak lebih aktif dalam mencungkil lebih ramai bakat baharu yang berpotensi sekaligus menaikkan kembali semangat para atlet untuk terus berlatih secara konsisten.

Majlis Sukan Labuan diwujudkan bertujuan memperkukuhkan dan meningkatkan keberkesanan struktur pentadbiran serta pembangunan sukan di Wilayah Persekutuan.

Ia juga bertujuan memastikan setiap penggiat sukan di Wilayah Persekutuan menerima manfaat daripada Cakna Sukan yang menjadi salah satu medium untuk menggerakkan aktiviti dan program Kawasan Pentadbiran (MSKP) di tiga Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.